

15/08/1998

Agenda Umno perlu pengorbanan ahli

PENKALAN CHEPA, Jumaat - Agenda Umno menegakkan keadilan untuk kepentingan rakyat, menuntut pengorbanan dan kesungguhan yang tidak boleh dikompromi semata-mata kerana muslihat atau fitnah pihak tertentu.

Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata ahli parti seharusnya menghayati cita-cita, idealisme dan hasrat murni membawa kebaikan kepada masyarakat sebagai landasan utama dalam usaha mengukuhkan perpaduan dalam parti.

"Kita harus terima kenyataan dalam kegetiran dan suasana ekonomi yang tidak menentu ini, kita mesti yakin dengan perpaduan, semangat, cita-cita murni dan idealisme membawa perubahan ke arah kebaikan.

"Kita ada kerja yang belum selesai, maka parti kita harus kukuh dan bersatu padu serta kuat dalam menangani semua masalah yang dihadapi," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis makan tengah hari di rumah Ketua Umno bahagian Pengkalan Chepa, Datuk Ariffin Abdul Hamid, sempena lawatan kerja singkatnya ke Kelantan, hari ini.

Menurutnya, isu sampingan atau masalah pinggir lain tidak boleh dibiarkan mengalih pandangan daripada tumpuan bagi menangani kegawatan ekonomi yang sedang dihadapi.

Anwar berkata, tumpuan juga harus diberi ke arah mengukuhkan jentera pentadbiran Umno di bawah kepemimpinan Perdana Menteri yang juga Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Kalau dalam keadaan dulu parti kita kuat, maka keadaan sekarang parti kita harus lebih kukuh dan jangan biarkan masalah lain menghantui kita. Muslihat orang lain tidak akan kekal lama, tidak kiralah sama ada dari segi ekonomi, politik atau peribadi.

"Kita harus berhati-hati dan berwaspada terhadap ancaman golongan ini kerana mereka sering menggunakan muslihat yang menikam dari belakang dan melemahkan keyakinan orang lain.

"Mereka yang mahu menjadikan Nabi Muhammad sebagai contoh perjuangan mesti bersedia bertindak tegas dan berkorban untuk membawa pembaharuan serta perubahan yang diinginkan masyarakat," katanya.

Terdahulu, dalam ucapannya, Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri, Datuk Annuar Musa menyatakan sokongan Umno Kelantan untuk bersama Dr Mahathir dan Anwar dalam menghadapi keadaan sukar seperti sekarang.

"Umno Kelantan memberi jaminan untuk terus bersama kepemimpinan Umno dalam keadaan sukar ini dan ia adalah pendirian ikhlas kita," katanya.

(END)